



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pegawai Pemulihan Perubatan
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan (U)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (f) Gred : U41

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U41	2,429.00	9,656.00	225.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 300.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan :
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - a) Warganegara Malaysia;
    - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred U41 :
      - : Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan, audiologi, cara kerja, fisioterapi) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred U41: RM2,429.00

### DAN

Syarat Lantikan Tambahan : -

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan ke jawatan bertaraf Tetap.
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perkara 3.1 (c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
6. Ringkasan Tugas : **Umum**
- Bertanggungjawab dalam aspek perawatan pemulihan pesakit dalam bidang pengkhususan berkaitan dan membuat penilaian, perancangan dan pengurusan program rehabilitasi terhadap pesakit-pesakit.
- Khusus**
- Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

## PENDAFTAR